



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MAKNA UJARAN TAK LANGSUNG DALAM SKRIP DRAMA TERPILIH DARI
SUDUT PRAGMATIK***

MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

FBMK 2015 48



**MAKNA UJARAN TAK LANGSUNG DALAM SKRIP DRAMA TERPILIH
DARI SUDUT PRAGMATIK**

Oleh

MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapat
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan man-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



DEDIKASI

Khas buat keluargaku:

SITI YUSAIRAH

AMEERUDDIN

SITI AINAA MARDHIAH

ANNUR SUFIA

**KHUZAIMAH ABD GHANI
ZAINAL MUHAMMAD
NURAISHA ALIAS
DANEEN IMANY**

NUR ARIFAH

SYAHID IKRAM

ANNUR MUNIRAH

NUR DALILLA



COPYRIGHT

UPM

UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MAKNA UJARAN TAK LANGSUNG DALAM SKRIP DRAMA TERPILIH
DARI SUDUT PRAGMATIK**

Oleh

MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

Oktober 2015

Pengerusi : Profesor Madya Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Ujaran tak langsung mempunyai makna implisit yang sukar untuk difahami secara menyeluruh oleh pendengar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ujaran tak langsung, menghurai dan menjelaskan makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih dengan menggunakan pendekatan pragmatik berdasarkan Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995). Data kajian ini bersumberkan ujaran tak langsung yang terdapat dalam skrip drama terpilih hasil tulisan Mustapha Kamal Yassin dan Usman Awang. Ujaran tak langsung yang dipilih dianalisis secara deskriptif dengan cara berorientasikan penutur dan pendengar serta menggabungkan faktor sosial penutur dan faktor kognitif pendengar. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa penggunaan ujaran tak langsung dalam penulisan skrip drama terpilih mengandungi perlakuan ujaran tertentu dan disampaikan dalam bentuk ayat yang berbeza iaitu ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah. Ujaran tak langsung yang dikaji mempunyai makna implisit yang dapat difahami makna sebenarnya berdasarkan makna abstrak, makna konteks, makna niat penutur dan interpretasi pendengar. Hasil kajian mendapati penyampaian makna ujaran tak langsung disampaikan secara tersembunyi kerana bertujuan untuk bersantun, menjaga air muka seseorang, menjadikan sesuatu bahasa lebih menarik atau kurang menarik, untuk mencapai matlamat yang berbeza dalam satu masa dan untuk memperjelaskan niat penutur. Di samping itu, penggunaan ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih dapat mencerminkan budaya halus dan akal budi tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, kemahiran untuk bertutur menggunakan ujaran tak langsung dan memahami makna sebenarnya perlu dipelajari dan dikuasai oleh pengguna bahasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE MEANING OF INDIRECT SPEECH IN SELECTED DRAMA SCRIPT FROM PRAGMATICS PERSPECTIVE

By

MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL

October 2015

**Chairman: Associate Professor Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication**

Indirect speech contains implicit meaning which is sometimes difficult to understand by the hearer as a whole. Hence, this study has been carried out to determine, describe and explain the meaning of indirect speech in selected drama script using pragmatics approach based on its Meaning in Interaction Principle by Thomas (1995). Research data have been taken from indirect speech contained in selected drama script written by Mustapha Kamal Yassin and Usman Awang. The data have been analysed descriptively using speaker and hearer oriented approach with the combination of the speaker social factor and the hearer cognitive factor. The findings show that the employment of indirect speech in selected drama script writing contains certain speech act and has been delivered in different forms of sentences such as statements, questions and orders. The indirect speech that have been studied contain implicit meaning which the actual meaning can be understood based on its abstract meaning, context meaning, force (speaker communicative intention) and hearer interpretation. The outcome of this research has shown that the meaning of indirect speech that has been delivered indirectly is aimed at portraying politeness/regard for face, the desire to make one's language more or less interesting, to reach competing goals and to explain speaker's intention. Despite, the use of indirect speech in selected drama script could show the fine culture and the good mannerism owned by the Malay society. Moreover, to speak using indirect speech and to understand the actual meaning are the skills that need to be learned and mastered by the language user.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.
Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ijazah kedoktoran ini (*Doctor of Philosophy, Ph.D.*) seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM).

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua guru saya di UPM, khususnya kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif (pengerusi penyelia), Dr. Fazilah binti Husin dan Dr. Norazlina binti Hj. Mohd Kiram (ahli jawatankuasa penyeliaan). Semoga segala ilmu dan tunjur ajar yang telah diberikan oleh mereka akan dibalas dengan sebesar-besar ganjaran oleh Allah SWT.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak pengurusan dan pentadbiran UPM, terutamanya pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM dan Masjid UPM. Saya amat menghargai segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan kepada saya.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat bagi membantu saya menyiapkan tesis ijazah kedoktoran ini. Kejayaan ini juga saya tujukan khas buat semua ahli keluarga saya; teristimewa buat ibu, ayah dan isteri tercinta.

Semoga Allah SWT menerima amalan saya dan anda semua.

Terima kasih.

MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL, (MZZM)

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 9 Oktober 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhammad Zuhair bin Zainal bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Terpilih dari Sudut Pragmatik" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim Bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hashim Bin Haji Musa, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Arba'ie Bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN BIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 disember 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fazilah binti Husin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Muhammad Zuhair bin Zainal (GS28457) _____

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
KELULUSAN	iv
PERAKUAN	v
SENARAI RAJAH	x
BAB	
1	PENDAHULUAN 1
	Latar Belakang Kajian 1
	Penyataan Masalah 4
	Objektif Kajian 8
	Kepentingan Kajian 8
	Batasan Kajian 9
	Bahan Kajian 10
	Definisi Operasional 11
	Makna Ujaran Tak Langsung 12
	Skrip Drama 12
	Pragmatik 13
	Kesimpulan 13
2	SOROTAN LITERATUR 14
	Pengenalan 14
	Kajian oleh Pengkaji-Pengkaji Luar Negara 14
	Kajian oleh Pengkaji-Pengkaji Tempatan 27
	Kesimpulan 35
3	MATODOLOGI 36
	Pengenalan 36
	Reka Bentuk Kajian 36
	Konsep dan Kerangka Teori 36
	Makna Abstrak 42
	Makna Penutur 43
	Interpretasi Pendengar 55
	Pendekatan Kajian 58
	Kaedah Kajian 58
	Kaedah Kepustakaan 58
	Analisis Data 59
	Kerangka Konseptual 60
	Kesimpulan 61
4	ANALISIS DATA 62
	Pengenalan 62
	Ujaran Tak Langsung sebagai Lakuan 64
	Pertuturan

	Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama dari Sudut Pragmatik	67
	Ayat Penyata	67
	Ayat Tanya	105
	Ayat Perintah	129
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	139
	Implikasi Kajian	140
	Kesimpulan	141
5	RUMUSAN	142
	Cadangan Kajian	145
	Penutup	146
	BIBLIOGRAFI	148
	BIODATA PELAJAR	154
	SENARAI PENERBITAN	155

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Proses Menentukan Makna Ujaran Tak Langsung dari Sudut Pragmatik	41
2. Kerangka Konseptual	60



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Makna perkataan diketahui umum apabila digunakan untuk menyatakan takrif tentang sesuatu perkara atau benda. Setiap unsur alam ini mempunyai makna dan cukup bernilai untuk manusia. Oleh itu, untuk mengungkapkan makna bagi sesuatu perkara atau benda maka bahasa dan minda perlu digunakan.

Atas kesedaran ini, perbincangan tentang makna telah mula dilakukan oleh pengkaji berdekad-dekad yang lalu. Lantaran itu, aktiviti perbincangan dan penerokaan terhadap makna telah membuka suatu dimensi baharu yang menjadi jambatan untuk menghubungkan bidang bahasa dengan bidang-bidang ilmu yang lain.

Kini, perbincangan tentang ilmu makna telah mendapat perhatian utama dalam bidang bahasa. Seiring dengan perkembangan yang pesat dalam bidang bahasa, ilmu makna turut memberikan saingan yang hebat terhadap sub-sub bidang bahasa, terutamanya dalam aspek teori seperti fonetik, fonologi, morfologi, dan sintaksis.

Penelitian aspek makna dibincangkan secara lebih objektif dalam bidang semantik dan pragmatik. Meskipun kedua-dua bidang ini membincangkan tentang aspek makna, perbincangan yang dilakukan antara kedua-dua bidang ini amat berbeza. "Makna dalam pragmatik ditakrif dengan mengambil kira penutur dan pendengar atau pengguna, tetapi makna dalam semantik ditakrif semata-mata sebagai ciri ungkapan sesuatu bahasa" (Leech, 1993: 7). Walau bagaimanapun, kedua-dua bidang ini saling melengkapi antara satu sama yang lain.

Kini banyak pengkaji makna yang menggunakan pendekatan pragmatik dalam kajian mereka. Hal ini telah menambah khazanah ilmiah dalam perkembangan bidang semantik dan pragmatik di Malaysia. Kekayaan sumber khazanah ilmiah yang bermutu tinggi ini yang ada dalam bahasa Melayu membolehkan pengkaji-pengkaji makna bahasa Melayu lebih meluas untuk mempelbagaikan kajian mereka.

Sebagai contohnya, teks Hikayat Hang Tuah dikaji oleh Hussin Sarif (2009), Filem Agung P. Ramlee dikaji oleh Mustafa Atan (2010) dan lain-lain lagi. Berdasarkan contoh di atas, setiap pengkaji yang disebut tidak hanya memerikan makna berdasarkan unsur leksikal, gramatikal dan strukturnya semata-mata, bahkan berdasarkan faktor konteks, niat penutur, interpretasi pendengar dan sumber luar linguistik yang lebih luas. Hal ini bertujuan untuk penerokaan tentang makna dalam bahasa Melayu yang boleh mencakupi makna majaz (kiasan), makna intensi (maksud penutur), makna kontekstual, dan makna konotatif.

Hakikat makna dari sudut pragmatik bukan hanya boleh ditakrif berdasarkan bentuk bahasa semata-mata. "Kajian makna dari sudut pragmatik harus mengambil kira konteks situasi pertuturan dengan berdasarkan wujudnya kriteria-kriteria seperti penutur atau pendengar, konteks ujaran, matlamat ujaran, ujaran sebagai bentuk lakuan atau kegiatan dan juga ujaran sebagai hasil lakuan verbal" (Leech, 1993: 16-17).

Maka, jelaslah bahawa kajian pragmatik mestilah dijalankan dalam situasi sebenar penggunaan bahasa yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat bahasa. Oleh yang demikian, setiap penelitian dalam kajian pragmatik perlu bersumberkan bahasa yang terhasil daripada penggunaan yang sebenar.

Sebagai contohnya, perbualan dalam telefon, temu bual, temu duga, wawancara, taklimat atau penerangan dalam mesyuarat, dialog dalam teater atau drama dan sebagainya. Sekalipun semua ini dirakam atau dimanskrirkan, bahasa tersebut tetap dianggap digunakan dalam penggunaan bahasa yang sebenar.

Nor Hashimah Jalaluddin (2007: 14) menyatakan bahawa "kajian tentang makna perlulah dilakukan secara lapangan, terutamanya melibatkan bahasa pertuturan." Ini dikatakan demikian kerana sumber bahasa yang dikutip di lapangan bersifat sahih dan berwibawa. Tambahan pula, data lapangan tidak direka-reka, malah penggunaan bahasa tersebut mempunyai konteks yang jelas, dan dapat membentuk serta mempengaruhi kepelbagaian makna bagi sesuatu bahasa pertuturan.

Kesannya, kajian pragmatik bersifat kajian empiris, sama halnya seperti yang dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2007: 7) :

Yang dimaksudkan dengan kajian empiris ialah kajian yang menitikberatkan pemerhatian, penjelasan, dan penghuraian masalah bahasa yang dikaji. Data yang dipilih mestilah merupakan data yang dikutip di lapangan, sementara teori yang digunakan untuk mencanai data yang ada mestilah merupakan teori yang mampu menjelaskan segala masalah yang timbul dalam kajian.

Kajian bahasa secara empiris ini dapat menjadikan kajian pragmatik lebih bersifat saintifik dan dapatan kajian yang diperoleh lebih tepat dan menyakinkan. Dalam kajian pragmatik peranan konteks amat diperlukan, baik dari segi pemilihan data sama ada dalam penghuraian makna bagi sesuatu data. Pemilihan data perlulah berkonteks dan terpelihara wacananya. Data yang tunggal atau tidak berkonteks seperti ayat yang direka-reka sahaja akan menjadikan kajian ini lemah dan diragui.

Pemahaman yang tepat tentang sesuatu makna bagi bahasa pertuturan, seperti ujaran langsung dan ujaran tak langsung, turut dipengaruhi oleh aspek pemikiran yang ada dalamnya. Hal ini terbentuk daripada faktor sosial, budaya, adat dan agama yang dimiliki oleh seseorang pengguna bahasa dengan hasil

pergaulannya bersama-sama masyarakat dan alam sekelilingnya. Sudah pasti sesebuah pemikiran yang ada dalam sesuatu ujaran mempunyai tujuannya yang tertentu. Yang nyata dengan adanya aspek pemikiran dalam sesuatu ujaran, keadaan ini menyediakan suatu situasi untuk terbentuknya penggunaan bahasa yang tepat, dan berfungsi dengan lebih berkesan.

Penggunaan bahasa yang tepat dan berfungsi dengan berkesan berhubung kait dengan retorik. Secara umumnya, retorik dikenali sebagai disiplin ilmu yang membincangkan seni penggunaan bahasa secara berkesan untuk tujuan mempengaruhi pemikiran, sikap dan pendirian seseorang. Bahasa yang digunakan mungkin dizahirkan secara lisan ataupun tulisan.

Dalam penggunaan bahasa sehari-hari, pelbagai ragam bahasa digunakan oleh penutur untuk mencapai matlamat retoriknya antaranya pemerian, penerangan, pemujukan, penceritaan, penghujahan dan pendedahan. Selain itu, aspek makna juga memainkan peranan yang cukup penting dalam menghasilkan sesuatu matlamat retorik. Makna yang ingin dibentuk oleh seseorang penutur harus jelas dan mampu ditafsirkan oleh pendengar atau pembaca.

Oleh sebab itu dalam kajian pragmatik, retorik tidak boleh disisihkan. Pragmatik dan semantik amat diperlukan dalam penerokaan makna, manakala retorik pula diperlukan untuk menjadikan sesuatu makna itu berkesan dan lebih bermakna. Leech (1993) telah mencirikan pendekatan beliau untuk mengkaji pragmatik sebagai pendekatan retorik. Menurut beliau, "dalam konteks pragmatik, konsep retorik ialah penutur mementingkan situasi tuturan yang peka-matlamat, apabila ia menggunakan bahasanya untuk menghasilkan kesan tertentu pada fikiran pendengar" (Leech, 1993: 8).

Dalam penggunaan bahasa Melayu, baik dari sudut pertuturan atau penulisan, terdapat banyak aspek pemikiran dan perlu disampaikan secara berkesan, mengikut norma-norma yang sesuai dengan cerminan akal hati budi Melayu. Masyarakat Melayu juga suka menggunakan bahasa bersopan dan berkias dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Di sebalik bahasa yang diujarkan terdapatnya makna yang tersirat dalam bahasa itu. Penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu memaparkan elemen pragmatik dan retorik, iaitu unsur keimplisitan makna, kesopanan berbahasa, pemujukan, penceritaan dan sebagainya.

Keistimewaan yang ada pada penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya bahasa pertuturan, telah menjadikan bahasa Melayu amat menarik untuk dikaji khususnya melibatkan aspek makna. Pengkajian tersebut tidak terhad kepada makna linguistik seperti makna leksikal dan makna struktur, akan tetapi turut melibatkan makna pragmatik. Dalam makna pragmatik inilah terkandungnya niat penutur (ilokusi) dan matlamat sosial (retorik) untuk penuturnya (penutur-penutur bahasa Melayu) yang cukup menarik untuk dikaji dari sudut makna.

Penyataan Masalah

Setiap masyarakat mempunyai gaya dan ragam bahasa yang berbeza dalam penggunaan bahasa pertuturan mereka. Selain simpulan bahasa dan bahasa kiasan, masyarakat Melayu dilihat gemar mempelbagaikan ragam bahasa dalam penggunaan bahasa pertuturan mereka. "Ragam bahasa tersebut meliputi bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan dan bahasa jenaka" (Zaba, 2002: 211-220).

Setiap ragam bahasa yang disebutkan di atas diujarkan dengan cara yang berbeza, sama ada secara langsung atau tak langsung. Masyarakat Melayu dianggap gemar menggunakan ujaran tak langsung dalam pertuturan mereka. Lebih-lebih lagi apabila ingin menyindir, menasihati, memberikan kritikan, menegur kesalahan dan juga ketika ingin menyuarakan sesuatu perasaan sama ada yang bersifat terpuji atau sebaliknya. Amalan ini telah dipraktikkan sekian lama dan ujaran tak langsung tersebut bersesuaian dengan adat dan budi pekerti tinggi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu.

Melalui sorotan literatur yang dilakukan terhadap kajian Cheng dan Warren (2003), Yasui (2005), Tran (2007), pengkaji mendapati bahawa ujaran tak langsung turut dipraktikkan oleh masyarakat Hong Kong, Jepun dan Vietnam. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan ujaran tak langsung tidak terhad penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu sahaja, malah melalui hasil kajian yang dijalankan oleh Yasui (2005), Noren dan Linell (2007) didapati bahawa masyarakat barat turut menggunakan ujaran tak langsung dalam komunikasi mereka seperti dalam interaksi autentik dan ketika menolak permintaan yang dibuat oleh majikan.

Dalam budaya masyarakat Melayu, penggunaan ujaran tak langsung bukan sahaja digunakan dalam bahasa pertuturan seharian sahaja, tetapi juga turut digunakan dalam penulisan karya sastera khususnya skrip drama. Kewujudan ujaran tak langsung dalam karya sastera tersebut bukannya bersifat seni semata-mata, tetapi wujud disebabkan oleh pemikiran dan pengalaman yang nyata diperoleh oleh penulis-penulisnya melalui pergaulan serta adaptasi daripada adat, budaya, sosial, agama dan alam sekeliling masyarakat Melayu.

Dalam skrip drama, unsur yang utama ialah dialog. Dramatis kebiasaannya akan mencorakkan skrip drama mereka dengan dialog yang mengandungi pelbagai jenis ujaran. Pemilihan sesuatu ujaran amat penting, misalnya penggunaan ujaran langsung dan ujaran tak langsung, supaya makna untuk setiap mesej yang ingin dilontarkan dapat disampaikan sepenuhnya secara berkesan.

Pengkaji mendapati dialog yang terdapat dalam skrip drama terpilih hasil tulisan dramatis Melayu menggunakan ujaran tak langsung, termasuklah skrip drama yang dihasilkan oleh Mustapha Kamal Yassin [selepas ini disebut dengan nama Kala Dewata] dan Usman Awang .

Oleh sebab Kala Dewata dan Usman Awang dianggap sebagai antara dramatis yang ulung di Malaysia, sudah pasti corak penceritaan dalam drama mereka banyak menggunakan bahasa pertuturan yang dipraktikkan dalam kehidupan sebenar masyarakat Melayu. Ujaran yang dihasilkan adakala berbentuk ujaran langsung dan adakalanya berbentuk ujaran tak langsung.

Meskipun kedua-dua dramatis ini sama-sama menghasilkan drama yang bermutu tinggi, setiap daripada mereka dilihat mempunyai kelainan yang tersendiri. Kala Dewata dilihat amat bijak menerapkan unsur komedi dalam drama-drama beliau, terutamanya dalam drama "Atap Genting Atap Rumbia." Bagaimanapun Usman Awang pula dikenali sebagai seorang yang mirip kepada idealisme romantisisme dengan memilih diksi dan stilisasi yang tendensinya ke arah kehalusan dan keindahan dalam penulisannya (Mana Sikana, 2009: xxii).

Namun begitu, kelainan yang dimiliki oleh Kala Dewata dan Usman Awang ternyata tidak menghalang mereka untuk menggunakan ujaran tak langsung dalam skrip drama mereka. Hal ini menunjukkan bahawa ujaran tak langsung juga tidak dilihat menjadi kebiasaan dalam penggunaan bahasa pertuturan semata-mata, malah turut digunakan dalam hasil karya sastera. Selain itu, penggunaan ujaran tak langsung tidak terbatas kepada sesuatu jenis interaksi perbualan sahaja tetapi boleh hadir dalam pelbagai jenis ayat dan situasi sama ada dalam bentuk komedi ataupun romantis.

Natijahnya, tidak semua makna yang ingin disampaikan melalui ujaran tak langsung yang terdapat dalam skrip drama Kala Dewata dan Usman Awang dapat difahami dengan jelas dan tepat oleh pendengar atau pembaca. Ayat yang digunakan dalam ujaran tak langsung turut menggunakan bahasa figuratif atau bunga bahasa. Yang dimaksudkan dengan bahasa figuratif menurut S. Nathesan (2001: 82-83) "merujuk kepada peluasan makna bagi sesuatu perkataan sehingga menimbulkan kepelbagaian makna bagi perkataan tersebut. Dalam bahasa figuratif ada juga berlaku penyimpangan daripada bentuk yang lazim untuk mempengaruhi dan memperkuat makna."

Makna ujaran tak langsung sememangnya sukar untuk difahami. Keimplisitan makna yang terdapat pada sesuatu ujaran khususnya ujaran tak langsung tidak dapat difahami dengan hanya melihat pada makna literal atau denotatifnya semata-mata. Berdasarkan kajian keimpilistan ujaran dalam Hikayat Hang Tuah, Husin Sarif (2009: 223-224) menegaskan bahawa :

Bahasa itu sebenarnya menggambarkan konvesi masyarakat penuturnya. Bidang pragmatik telah cuba memperjelaskan makna sesuatu ujaran, terutamanya melibatkan ujaran yang implisit, iaitu penutur mempunyai maksud lain di sebalik ujarannya. Faktor latar belakang sosiolinguistik merangkumi budaya, cara hidup dan persekitaran memainkan peranan penting dalam menilai ketepatan makna sesuatu ujaran itu. Tegasnya, sesuatu ujaran itu tidak semestinya membawa satu maksud sahaja tetapi ada maksud lain yang terselindung di

sebalik kata-kata yang digunakan dalam ujarannya.

Oleh yang demikian, pentafsiran terhadap sesuatu makna tidak lagi boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya. Pentafsiran dan penerokaan makna ujaran tak langsung perlulah dilakukan dengan mengikut pendekatan dan prinsip pragmatik. Melalui kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009), didapati bahawa pendekatan pragmatik bukan sahaja dapat mengkaji makna dalam pertuturan, malah dapat mengkaji makna imbuhan peN- dalam bahasa Melayu. Dalam kajian semantik yang dijalankan Sang Seong (2011) dan Imran Ho-Abdullah (2011), pengkaji mendapati bahawa penerokaan makna yang dilakukan oleh mereka bukan sahaja mencakupi unsur dan struktur linguistik semata-mata, bahkan juga mereka turut mengambil kira elemen pragmatik seperti faktor konteks, pengetahuan latar, kepercayaan budaya dan lain-lain.

Oleh sebab itu, pendekatan pragmatik diyakini lebih berwibawa digunakan dalam penerokaan makna ujaran berbanding pendekatan semantik. Pragmatik merupakan kajian makna dalam interaksi (Thomas, 1995: 22). Pengkajian makna dari sudut pragmatik dan semantik ternyata mempunyai perbezaan yang ketara. Menurut Yule (1996: 4) :

Semantics is the study of the relationships between linguistic forms and entities in the world. ... Pragmatics is the study of the relationships between linguistic form and the users of those forms.

Menurut Thomas (1995), pada awal tahun 1980-an pragmatik dilihat sebagai kajian makna dalam perbualan (*meaning in use*) atau makna dalam konteks (*meaning in context*) dan perkara ini dilihat terlalu umum untuk bidang pragmatik itu sendiri, iaitu :

In the early 1980s, when it first became common to discuss pragmatics in general textbooks on linguistics, the most common definition of pragmatic were: meaning in use or meaning in context. Although these definitions are accurate enough and perfectly adequate as starting point, they are soo general for our purposes...
(Thomas, 1995: 1-2)

Pada akhir tahun 1980-an, bidang pragmatik dilihat semakin berkembang dan terbahagi kepada dua golongan yang berbeza cara amalan pengkajian makna mereka masing-masing. Golongan pertama menyamakan pragmatik dengan makna penutur (*speaker meaning*) dan kumpulan kedua menyamakan pragmatik dengan interpretasi ujaran (*utterance interpretation*).

Kumpulan pertama dilihat berminat untuk menjadikan kajian mereka lebih terarah kepada faktor sosial yang memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap penutur dan golongan kedua pula cenderung kepada faktor kognitif yang lebih

memfokuskan pendengar. Amalan pengkajian makna seperti ini dapat dilihat dalam banyak kajian makna yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas antaranya Li (2008), iaitu kajian tentang pembinaan makna perkataan dalam sesuatu ujaran.

Dalam kajian tersebut, Li (2008) telah menjalankan kajiannya berpandukan Teori Relevan. Teori ini diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986), di mana pendekatan teori tersebut berfokuskan faktor kognitif dan berorientasikan pendengar sahaja. Perkara ini jelas telah dinyatakan oleh Thomas (1995: 140) :

... as I have already noted, they have diametrically opposed approaches to pragmatics – Leech, like Brown and Levinson, takes a broadly socially-oriented and speaker-oriented approach, whereas Wilson and Sperber take a cognitive and hearer-oriented approach.

Oleh sebab itu, Thomas (1995: 208) sendiri telah mencadangkan kajian makna dari sudut pragmatik perlulah menggabungkan kedua-dua pandangan dan pendekatan yang telah diamalkan oleh dua golongan ini yakni dengan cara berorientasikan penutur dan pendengar, serta memfokuskan faktor sosial dan faktor kognitif bersama tanpa menyisahkan satu daripadanya.

Pendekatan ini dikenali sebagai membuat pragmatik secara menyeluruh. Konsep menyeluruh di sini bererti bahawa pemerian makna pragmatik yang disyorkan oleh Thomas (1995) haruslah peka-penutur dan peka-pendengar dengan mengambil kira makna abstrak, makna penutur dan interpretasi ujaran. Pragmatik juga harus bersifat berhemah dan tidak bersifat eksklusif terhadap satu sumber sahaja, yakni dengan meneliti secara teliti terhadap segala faktor dan konteks yang berkemungkinan ada pada penutur dan pendengar.

Hal ini demikian kerana proses membentuk makna merupakan persetujuan bersama antara penutur dengan pendengar seperti yang dinyatakan oleh Thomas (1995: 22) :

Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and the meaning potential of utterance.

Maka berdasarkan kenyataan tersebut, sewajarnya kajian makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih ini dilakukan berpandukan Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995), kerana melalui cara ini pentafsiran makna sebenar ujaran tak langsung menjadi lebih tepat dan menyeluruh.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih dari sudut pragmatik. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk :

- i. mengenal pasti ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih.
- ii. menghuraikan makna yang terdapat pada ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih dari sudut pragmatik.
- iii. menjelaskan makna sebenar untuk ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih berdasarkan Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995).

Kepentingan Kajian

Telah sedia maklum bahawa pragmatik ialah kajian makna berdasarkan konteks dengan mengambil kira penutur dan pendengar. Kajian pragmatik kebelakangan ini banyak digunakan dalam pemerian makna ujaran bagi sesuatu bahasa termasuk bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan tidak hanya terhad kepada penggunaan bahasa dalam lapangan, sebaliknya melibatkan wacana dalam penulisan naratif atau karya kreatif seperti cerpen, novel, dan skrip drama.

Kajian pragmatik yang lebih meluas ini amat berguna kepada pengguna bahasa mengetahui selok-belok untuk memahami makna bagi sesuatu ujaran. Kemahiran yang terhasil ini akan menjadikan pengguna bahasa Melayu lebih matang apabila berinteraksi dan berkomunikasi di samping dapat meningkatkan kemahiran menggunakan bahasa dengan lebih berkesan dan berfungsi.

Kajian makna berasaskan pragmatik amat penting kerana “bahasa Melayu sebenarnya bahasa yang padat dan bergantung pada konteks” (Azhar M. Simim, 1993: 87). Oleh itu, untuk mentafsir makna ujaran yang terdapat dalam bahasa Melayu haruslah berdasarkan konteks. Ini berlaku kerana bahasa bukan sekadar pemerian nahunya sahaja yang perlu peka-konteks, bahkan pemerian maknanya juga perlu peka-konteks.

Sesuatu makna ujaran yang diperikan tanpa berasaskan konteks akan mengakibatkan makna tersebut menjadi jauh menyimpang daripada makna sebenar yang ingin disampaikan. Kemungkinan juga, mesej yang tersirat dalam makna tersebut tidak dapat difahami dan fungsi makna tersebut langsung tidak dapat dizahirkan. Dalam hal pemilihan data pula, pengkajian makna dalam bahasa Melayu haruslah juga menggunakan data peka-konteks dan terpelihara wacananya.

Juga kajian ini dianggap penting kerana selain pengetahuan tentang faktor konteks, melalui Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995), pembaca dan pendengar bagi sesebuah drama akan dapat mengetahui cara dan kaedah mentafsirkan makna bagi setiap ujaran yang digunakan, khususnya ujaran tak langsung dengan cara yang lebih menyeluruh, dengan meneliti setiap aspek

yang ada pada pemeran melalui pemerian terhadap makna abstrak, makna penutur, dan interpretasi ujaran. Apabila pengetahuan ini dapat dikuasai oleh pembaca atau pendengar, tidak mustahil akan lebih memudahkan pembaca atau pendengar untuk menjiwai keseluruhan struktur sesebuah drama baik dari sudut plot, bahasa, latar dan perwatakannya.

Manakala untuk dramatis pula, kajian ini penting supaya penekanan unsur pragmatik harus diutamakan dalam pembikinan bahasa bagi sesebuah drama. Bahasa dalam drama ini berbentuk dialog. Dialog ialah bahasa pertuturan yang merujuk, mengkhhusus dan memukau pendengaran.

Secara praktikalnya bahasa drama bukan ditujukan untuk dibaca tetapi untuk didengar, jadi seharusnya sudah dilafaz, diucap atau dituturkan serta dapat menimbulkan keseronokan indera pendengaran, di samping berhasrat untuk menyampaikan persoalan dan pemikiran. Dalam pada itu, fungsi dialog sangatlah penting apalagi memandangkan situasi perkembangan strukturnya semata-mata bergantung pada dialog (A. Rahman Napiah, 1987: 233).

Selanjutnya, kajian ini turut penting ke arah untuk mempelbagaikan kajian makna lagi dari sudut pragmatik khususnya yang melibatkan dialog antara watak yang melibatkan skrip drama. Hal ini bersangkut-paut kerana kajian antara watak dalam skrip drama mencerminkan bahasa pertuturan masyarakat Melayu. Dengan adanya kajian sebegini, ia bukan sekadar dapat merungkaikan segala permasalahan tentang aspek makna, bahkan dapat menonjolkan aspek pemikiran dan persoalan yang ada dalam masyarakat Melayu.

Pernyataan di atas sesuai dengan kenyataan bahawa “akal budi orang Melayu boleh dikaji secara berkesan dengan mengkaji sasteranya” (Azhar M. Simin, 1993: 360). Selain itu, kajian ini turut dianggap sebagai memenuhi keperluan untuk memberikan maklumat yang berguna kepada generasi muda Melayu tentang sikap berhemah dan bersantun dalam penggunaan bahasa pertuturan Melayu Moden sesuai dengan tuntutan bahasa jiwa bangsa.

Batasan Kajian

Kajian makna ujaran sudut pragmatik haruslah bersifat empiris dengan menggunakan data yang diambil secara kesatuan dan tidak terpisah konteks wacana. Pendekatan kajiannya haruslah menggunakan prinsip yang dapat menepati gagasan idealisme pragmatisme. Oleh itu secara khususnya, tumpuan kajian ini untuk meneroka makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih.

Data-data kajiannya merupakan ujaran tak langsung yang terdapat dalam dialog antara watak yang diambil daripada skrip drama pilihan. Sebanyak sembilan buah skrip drama terpilih telah dijadikan sebagai bahan kajian. Skrip drama terpilih tersebut hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang. Kesemua ujaran tak langsung yang dijadikan data kajian akan dianalisis dengan menggunakan teori dan prinsip pragmatik khususnya berpandukan Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995), iaitu makna abstrak, makna penutur dan interpretasi pendengar.

Pendekatan kajian yang dijalankan dengan menggunakan Prinsip Makna dalam Interaksi Thomas (1995) ini dapat mengkaji makna sebenar ujaran tak langsung secara menyeluruh. Dengan menggunakan prinsip tersebut juga, segala mesej dan maklumat yang terselindung di sebalik ujaran tak langsung dapat diketahui oleh pengguna bahasa. Pemahaman yang tepat tentang makna sebenar sesuatu ujaran tak langsung akan membantu pengguna bahasa memahami dan menghayati dengan lebih mendalam terhadap skrip drama yang didengar atau dibaca.

Bahan Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih. Oleh itu, ujaran tak langsung yang dipilih haruslah mencerminkan pertuturan sebenar yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Kesemua ujaran tak langsung yang dijadikan data kajian datangnya daripada dialog antara watak yang terdapat dalam skrip drama terpilih hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang. Skrip drama tulisan Kala Dewata ialah “Dua Tiga Kucing Berlari”, “Di Balik Tabir Harapan”, “Atap Genting Atap Rumbia”, “Bujur Lalu Melintang Patah”, dan “Jalan Yang Benar” manakala skrip drama terpilih tulisan Usman Awang pula “Degup Jantung”, “Gendang Kosong”, “Serunai Malam”, “Bulan Tetap Bersinar”.

Skrip drama terpilih hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang dianggap wajar untuk kajian ini kerana beberapa alasan yang konkrit. Antara justifikasinya ialah pemilihan skrip drama terpilih dibuat disebabkan kesemua skrip drama tersebut menggunakan bahasa Melayu. Kesemua skrip drama terpilih juga telah dibukukan dalam bentuk antologi karya perseorangan dan diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk bacaan umum.

Usaha yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini jelas memberikan pengiktirafan terhadap nilai dan mutu skrip drama terpilih tersebut di samping menjadikannya sebagai bukti bertulis untuk menonjolkan keupayaan Kala Dewata dan Usman Awang yang mencipta dan melahirkan seni sastera yang unggul dan hebat dengan penuh keberanian dalam mengetengahkan persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat.

Bakat dan daya kreativiti yang dimiliki oleh Kala Dewata dan Usman Awang cukup istimewa dan luar biasa. Kesungguhan, pengalaman, pemikiran, dan kepatuhan mereka berdua terhadap falsafah seni drama menjadikan drama-drama mereka cukup berwibawa dan bermutu tinggi. Ini diakui oleh Abdul Rahman Napiah (1987: 247-248), katanya :

... Kala Dewata dan Usman Awang dapat dianggap berjaya, berhasil melancarkan cerita, menimbulkan watak di samping mengaplikasikan beberapa unsur dramatik. Kedua-duanya diakui dapat menyesuaikan dialog dengan suasana yang hendak dibangunkan.

Skrip drama terpilih ini juga dikarang dengan berpacukan bingkai nasional yang mengutarakan kepercayaan, falsafah, teori estetika, jiwa dan resam kemelayuan. Dialog yang terdapat dalam skrip drama terpilih tersebut bukan bersifat monolog atau interaksi perbualan yang khayal. Oleh sebab itu, terdapat banyak ujaran tak langsung yang digunakan dalam dialog antara watak dalam skrip drama terpilih tersebut.

Ujaran tak langsung yang terhasil dalam skrip drama Kala Dewata dan Usman Awang merupakan cerminan ujaran sebenar yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Sesuai dengan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh kedua-dua orang dramatis ini, penghasilan ujaran tak langsung dalam skrip drama mereka amat berseni serta menggambarkan realiti penggunaan bahasa yang sebenar.

Ujaran tak langsung yang terdapat dalam skrip drama Kala Dewata dan Usman Awang juga mempunyai unsur perubahan makna seperti ameliorasi, hiperbola, litotes, metafora, metonimi, peluasan, pejorasi, penyempitan dan sinekdoksi. Unsur perubahan makna yang terdapat pada perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang digunakan dalam ujaran tak langsung tersebut nyata menyukarkan pendengar atau pembaca untuk memahami makna sebenar yang diniatkan oleh penutur.

Tambahan lagi, dalam penggunaan ujaran tak langsung tersebut terdapatnya manipulasi bahasa yang berkesan seperti pemakaian bahasa figuratis, kiasan, sindiran dan lain-lain. Strategi ini menjadikan dialog dalam skrip drama terpilih tersebut lebih menarik untuk menyampaikan makna yang tertentu kepada pendengar atau pembaca. Perkara ini bertepatan dengan fungsi ujaran langsung seperti yang dinyatakan oleh Thomas (1995: 143) *"People may use indirectness because they enjoy having fun with language."*

Berdasarkan penelitian yang mendalam, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak ujaran tak langsung yang digunakan untuk membentuk dialog antara watak dalam skrip drama terpilih tersebut. Oleh itu, sebanyak empat belas ujaran tak langsung telah dipilih untuk dianalisis maknanya. Empat belas ujaran tak langsung tersebut terdiri daripada tiga jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya dan ayat perintah.

Ternyata, pemilihan skrip drama terpilih hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang dianggap wajar dengan kajian pragmatik ini, dan pemilihan empat belas ujaran tak langsung tersebut dianggap bersesuaian untuk dianalisis maknanya demi mencapai objektif kajian. Maka, dengan adanya bahan kajian sebegini, menjadikan kajian ini lebih bersifat empiris dan meyakinkan.

Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa konsep asas yang difikirkan perlu diuraikan untuk memberikan kefahaman yang jelas selari dengan kehendak disiplin dan bidang kajian agar terkawal serta tidak menyimpang daripada objektif yang telah digariskan. Yang berikut merupakan konsep-konsep asas

kajian berdasarkan huraian operasionalnya mengikut rangka pemikiran pengkaji dengan disokong oleh pendapat sarjana bahasa.

Makna Ujaran tak langsung

Yang dimaksudkan makna ujaran tak langsung dalam kajian ini ialah makna bagi sesuatu ujaran yang dituturkan oleh seseorang penutur kepada pendengar yang makna sebenar ujaran tersebut terselindung di sebalik makna harfiahnya, padanya terkandung niat serta matlamat tertentu, dan sesuatu ujaran itu juga boleh jadi dimanipulasikan ragam bahasanya sama ada menggunakan bahasa figuratif (ataupun tidak) yang menyebabkan seseorang pendengar memerlukan ruang masa untuk memahami makna sebenar ujaran tersebut.

Ujaran tak langsung merupakan fenomena sejagat yang berlaku dalam semua bahasa. Ujaran tak langsung merupakan strategi perbualan yang dilihat sebagai tarikan dalam penggunaan bahasa perbualan tertentu. Ia juga merupakan komponen penting dalam kecekapan berkomunikasi bagi setiap penutur. Ujaran tak langsung berlaku apabila terdapat ketidaksepadanan antara makna yang dilafazkan dengan makna yang diniatkan.

Thomas (1995: 120) mendefinisikan ujaran tak langsung sebagai kos dan risiko. Kos di sini membawa erti bahawa ujaran tak langsung mengambil masa yang lama bagi penutur untuk mengujarkannya dan pendengar juga memerlukan masa yang lebih lama untuk memahaminya. Untuk risiko pula, bererti pendengar mungkin tidak dapat memahami apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh penutur melalui ujaran yang dituturkannya (Thomas, 1995: 120).

Oleh itu, penerokaan makna ujaran tak langsung dapat diketahui dengan lebih jelas dan tepat berpandukan teori dan prinsip pragmatik.

Skrip Drama

Drama dalam ertikata persuratkhabarannya ialah satu deretan kejadian yang menarik perhatian, manakala mengikut pengertian sasteranya ialah satu lukisan atau gambaran hidup manusia yang dipertunjukkan di atas pentas (Hassan Ahmad, 1981: 23). Berdasarkan pengertian tersebut, skrip drama boleh merujuk kepada bahan bertulis yang mengandungi cerita tentang sesuatu kejadian atau kehidupan yang dilakonkan untuk pertunjukan pentas.

Yang dimaksudkan skrip drama dalam kajian ini ialah skrip drama Melayu terpilih karya hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang. Terdapat sembilan buah skrip drama terpilih; lima buah skrip drama hasil tulisan Kata Dewata; empat buah skrip drama hasil tulisan Usman Awang.

Lima buah skrip drama terpilih tulisan Kala Dewata tersebut ialah "Dua Tiga Kucing Berlari", "Di Balik Tabir Harapan", "Atap Genting Atap Rumbia", "Bujur Lalu Melintang Patah", dan "Jalan Yang Benar", manakala empat buah skrip

drama terpilih tulisan Usman Awang pula ialah “Degup Jantung”, “Gendang Kosong”, “Serunai Malam”, “Bulan Tetap Bersinar”.

Pragmatik

Yang dimaksudkan pragmatik dalam kajian ini ialah satu bidang atau disiplin ilmu yang membincangkan makna bagi sesuatu ujaran, terutamanya makna yang terselindung dengan menjadikan peranan konteks sebagai salah satu unsur utama dalam menentukan makna sebenar bagi sesuatu ujaran.

Thomas (1995) telah melihat pragmatik sebagai bidang yang mengkaji makna, yakni “*meaning in interaction*” (makna dalam interaksi). Jelas beliau, “*Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and the meaning potential of a utterance*” (Thomas, 1995: 22).

Kesimpulan

Oleh sebab bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa yang padat dan bahasa yang bergantung pada konteks, sudah tentu bahasa Melayu menjadi bahasa yang unik untuk dikaji dan memberikan nilai tambah terhadap pengkajian makna dari sudut pragmatik Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkajian makna ujaran dari sudut pragmatik amat mementingkan peranan konteks serta peka penutur dan pendengar. Selain dapat membantu untuk mentafsir makna yang sebenar, peranan konteks amat diperlukan untuk menyelesaikan masalah keaburan dan ketaksaan makna sesuatu ujaran. Dengan berpandukan teori dan prinsip pragmatik, pengkajian makna ujaran dalam bahasa pertuturan masyarakat Melayu akan lebih menyeluruh dan bersistematik. Selain mengkaji makna ujaran, pragmatik turut menggariskan prinsip kerjasama dan maksim kesantunan yang harus dipatuhi oleh pengguna bahasa. Prinsip ini dibina untuk mengelakkan berlakunya sebarang konflik dan ancaman muka semasa proses interaksi perbualan dijalankan. Oleh itu, pendekatan, teori dan prinsip pragmatik dipilih dalam kajian ini untuk meneroka dan mentafsir makna sebenar ujaran tak langsung dengan cara menyeluruh. Prinsip yang akan digunakan ialah Prinsip Makna dalam Interaksi yang diperkenalkan oleh Thomas (1995). Prinsip tersebut terdiri daripada prinsip makna abstrak, makna penutur dan interpretasi pendengar.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (2008). Pola minda Melayu. Dalam Anwar Ridhwan (Editor), *Minda Melayu* (hlm. 29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama moden Malaysia: Perkembangan dan perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2007, Mac). *Budaya Sopan Santun Mengikut Penglihatan Dunia Penutur Melayu*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kesantunan Berbahasa Peringkat Kebangsaan, anjuran Kerajaan Negeri Terengganu.
- Akmajian, A., Richard, A.D., Ann, K.F., dan Robert, M.H. (2002). *Linguistik: Pengantar bahasa dan komunikasi*. (Terjemahan oleh Asiah Mahdi dan Azizah Hussain). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allan, K. dan Jaszczolt, K.M. (Editor) (2012). *The Cambridge handbook of pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Arbak Othman. (1989). *Nahu bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ariel, M. (2010). *Research surveys in linguistics: Defining pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa iklan perniagaan: Satu kajian retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1986). *Wira bukit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J.L. (1962). *How to do things with words*. Oxford: Clarendon Press.
- Awang Had Salleh. (1975). Buat menyapu si air mata. Dalam Mana Sikana, *Drama pilihan abad 20 jilid 1* (hlm. 185). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis wacana "Yang" dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Baharuddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon, dan A.M. Thani. (1981). *Wajah: Biografi seratus penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. dan Levinson, S.C (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carston dan Robyn. (1988). Implicature, explicature and truth-theoretic semantics. Dalam Ruth Kempson (Editor), *Mental representation: The interface between language and reality* (hlm. 155-81). Cambridge: Cambridge University Press.
- Cheng, Winnie. dan Warren, M. (2003). *Indirectness, inexplicitness and vagueness made cleaer*. *Journal of Pragmatics*, 13(3), 381-400. Diambil daripada <http://elanguage.net/journals/pragmatics/article/view/394/325>
- Clark, B. (2013). *Relevance theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cook, G. (1992). *Discourse*. Oxford: Oxford University Press.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and discourse: A resource book for students*. London: Discourse Analysis Routledge.
- Dascal, M. (1998). Model-model tafsiran. Dalam Stamenov, M. (Editor), *Perkembangan semasa teori semantik* (hlm.109-132). (Terjemahan oleh Rusli Abd. Ghani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davis, S. (Editor) (1991). *Pragmatics: A reader*. Oxford: Oxford University Press.
- Deppermann, A. (2005). Conversational interpretation of lexical items and conversational contrasting. Dalam A. Hakulinen dan M. Selting (Editor), *Syntax and lexis in conversation* (hlm. 289-318). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Grice, H.P. (1957). Meaning. *The philosophical review*, 66(3), 377-388. Diambil daripada <http://semantics.uchicago.edu/kennedy/classes/f07/pragmatics/grice57.pdf>
- Grice, H.P. (1975). Logic and conversation: A cognitive approach. Dalam P. Cole dan J.L Morgan (Editor), *Speech acts*, vol. 3 dalam *Syntax and semantic* (hlm. 41-58). New York: Academic Press.
- Grice, H. P .(1978). Further notes on logic and conversation. Dalam P. Cole (Editor), *Pragmatics*, vol. 9 dalam *Syntax and semantic* (hlm. 27-113). New York: Academic Press.
- Grundy, P. (2000). *Doing pragmatics*. London: Arnold.

- Hasan Ahmad. (1981). Sepintas lalu mengenai drama. Dalam Zakaria Ariffin (Editor), *Drama Melayu moden dalam esei* (hlm. 23). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hetti Waluati Triana dan Idris Aman. (2011). Lakuan tutur menolak generasi Minangkabau: Cerminan budaya popular dalam interaksi sosial. *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 11(1), 17-34. Diambil daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/65/59>
- Huang. (2007). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Hussin Sarif. (2009). *Keimplisitan ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari sudut pragmatik*. (Tesis Phd yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*Canis familiaris*). *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 11(1), 125-141. Diambil daripada http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20%281%29%202011/pp125_141.pdf
- Ismail Kassan. (1997). Gelanggang Tuk Wali. Dalam Mana Sikana, *Drama pilihan abad 20 jilid 2* (hlm. 434). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, Ruth. M. (1991). *Teori semantik*. (Terjemahan Zaiton Ab. Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Emas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G. dan Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: Chicago University Press.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- LoCastro, V. (2012). *Pragmatics for language educators: A sociolinguistic perspective*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Li, Dandi. (2008). The pragmatic construction of word meaning in utterances. *Journal of Chinese Language and Computing, The Pragmatic*, 18(3), 121-137. Diambil daripada [http://www.colips.org/journal/volume18/JCLC_18\(3\).3.pdf](http://www.colips.org/journal/volume18/JCLC_18(3).3.pdf)
- Lyons, J. (1977). *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1981). *Language and linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1994). *Bahasa, makna dan konteks*. (Terjemahan oleh Zahrah Abd. Ghafur). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu: Tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009a). *Drama pilihan abad 20: Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009b). *Drama pilihan abad 20: Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2009c). *Sejarah kesusasteraan Melayu moden: Drama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam ujaran watak dalam filem seniman agung P.Ramlee*. (Tesis Phd yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Mustapha Kamil Yassin. (1990). *Drama-drama Kala Dewata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noren, K. dan Linell, P. (2007). Meaning potentials and the interaction between lexis and contexts: An empirical substantiation. *Journal of Pragmatics*, 17(3), 387-416. Diambil daripada <http://elanguage.net/journals/pragmatics/article/view/557/482>
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1992a). Imperatif dan interogatif: Satu definisi Semula. *Dewan Bahasa*, 36(9), 882-891.
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1992b). Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu. *Dewan Bahasa*, 36(8), 676-690.
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1992c). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan peng- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 9(2), 57-72. Diambil daripada <http://www.ukm.my/ppbl/Gema/gemaarchives.html#9209>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zarani Ahmad dan Nurul Huda Mohd Saad. (2010). Perluasan makna imbuhan ber-: Analisis semantik kognitif. *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 10(1), 103-123. Diambil daripada http://www.ukm.my/ppbl/Gema/gemaarchives.html#vol10_1
- Normah Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Strategi dalam permohonan maaf bahasa Melayu dan bahasa Jepun: Satu perbandingan antara budaya. *Jurnal Linguistik*, 15, 1-13.

Diambil daripada http://www.myjurnal.my/public/issue-view.php?id=3736&journal_id=331

- Palmer, F.R. (1989). *Semantik*. (Terjemahan oleh Abdullah Hassan). Kuala Lumpur: USM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Anugerah Sastera Negara. (1983). Pendahuluan. Dalam Usman Awang, *Edisi khas sasterawan negara Usman Awang: drama-drama pilihan* (hlm. x). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peccei, J.S. (1999). *Pragmatics*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Rahmah Hj. Bujang. (1990). Kata pengantar. Dalam Mustapha Kamil Yassin, *Drama-drama Kala Dewata* (x-xi). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sang Seong, Goh. (2011). Penterjemahan kata kerja bahasa Cina-bahasa Melayu: Satu analisis ketepatan makna padanan. *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 11(1), 35-56. Diambil daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/66/6>
- Searle, J.R. (1983). *Intentionality: An essay in philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schiffrin, D. (1994). *Approach to discourse*. Oxford: Blackwell Publishers.
- S. Nathesan. (2001). *Makna dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Baba. (2009). *Melayu perkasa*. Selangor: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Siti Hajar. (2010). *Pragmatik linguistic*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sperber, D. dan Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: An introduction to pragmatics*. New York: Longman.
- Tran, T. (2007). *Indirectness in Vietnamese newspaper commentaries : A pilot study* (Tesis PhD). Boleh diperoleh di ProQuest Dissertations and Theses database. (No. UMI 3262351)
- Umar Junus. (2010). *Gaya bahasa sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Usman Awang. (1954, Mac). *Pengertian bakat, ilham dan tugas sasterawan*. Utusan Zaman.
- Usman Awang. (1988). *Edisi khas sasterawan negara Usman Awang: Drama-drama pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Verschueren, J. (1999). *Understanding pragmatics*. London: Arnold.
- Wilson, D. dan Sperber, D. (1986). Pragmatics and modularity. Dalam Davis, S. (Editor), *Pragmatics: A reader* (hlm. 583-593). Oxford: Oxford University Press.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Yasui, Eiko. (2005). *Indirectness in request refusals: Differences between Americans and Japanese*. (Tesis master). Boleh diperoleh di ProQuest Dissertations and Theses database. (No. UMI 1426486)
- Zainal Abidin Ahmad. (2002) *Ilmu mengarang Melayu: Edisi ejaan rumi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ariffin. (1981). *Drama Melayu moden dalam esei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.